

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Horizon)

Hari/Tarikh: 9/5/2016

Muka surat: A1

Tajuk : Program Cinta Ilmu sempena Hari Buku, Hak Cipta Sedunia UNIMAS



RASMI: Naib Canselor UNIMAS, Datuk Mohamad Kadim Suaidi (kiri) merasmikan Program Cinta Ilmu Sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di UNIMAS.

Program Cinta Ilmu sempena Hari Buku, Hak Cipta Sedunia UNIMAS

PUSAT Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) dengan kerjasama Penerbit Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengadakan Program Cinta Ilmu sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia UNIMAS 2016.

Menurut kenyataannya baru-baru ini, sejak 1996 Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menetapkan 23 sehingga 30 April setiap tahun sebagai Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia (World Book and Copyrights Day).

Saban tahun, lebih 100 buah negara meraikan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dengan pelbagai aktiviti melibatkan promosi galakan membaca, kegiatan penerbitan dan perbukuan serta program atau kempen perlindungan harta intelek melalui hak cipta.

UNIMAS tidak ketinggalan meraikan pelbagai aktiviti menarik dirangka sepanjang tahun menyemarakkan amalan membaca di kalangan warganya.

Selain itu, UNIMAS menyahut 'Kempen Jom

Baca Bersama 10 Minit' yang telah dijalankan di seluruh negara.

Antaranya bertujuan menyemarakkan dan membudayakan amalan membaca di kalangan warga UNIMAS dan masyarakat.

Selain mewujudkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Pada masa sama menekankan kepentingan perlindungan harta intelek dan menyemai minat menghasilkan karya berkualiti di kalangan masyarakat.

Disetorkan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Canselori